

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan infrastruktur luar bandar yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian kepada daerah Ranau pada tahun 2018 dan berikan perincian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa memberikan tumpuan terhadap penyediaan infrastruktur asas untuk masyarakat luar bandar di Sabah termasuklah di daerah Ranau.

Pada tahun 2018, sebanyak RM73.11 juta telah disalurkan oleh Kementerian ini bagi penyediaan infrastruktur luar bandar di Ranau merangkumi RM54.37 juta (kos projek) bagi Projek Jalan Luar Bandar (JALB) iaitu Projek Jalan Kg. Walau – Kg Tinanom, Sabah sepanjang 8km dengan spesifikasi R2 yang memberi manfaat kepada 5,000 orang penduduk, RM12.7 juta (kos projek) bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Projek Bekalan Air Luar Bandar Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 – Bahagian Ranau) yang memberi manfaat kepada 8 buah kampung melibatkan 747 orang penduduk, RM2.65 juta (peruntukan tahun semasa) bagi Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) yang melibatkan sebanyak 20 buah kampung, RM2.2 juta (peruntukan tahun semasa) bagi Program Ameniti Sosial (PAMS) melibatkan pembinaan jambatan gantung, parit konkrit, dewan mini dan baik pulih jambatan bagi 10 buah kampung dan RM1.18 juta (peruntukan tahun semasa) bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang melibatkan 5 unit bina baharu dan 56 buah baik pulih dan memberi manfaat kepada 305 orang penduduk.

Sekian, terima kasih.